

MALAYSIA'S POPULATION RISES TO 34.3 MLN IN Q4 2025, GROWTH SLOWS

BERNAMA News | General News | 12/02/2026 | Author: SAMANTHA TAN CHIEW TIENG | Others

PUTRAJAYA, Feb 12 (Bernama) --Malaysia's total population was estimated at 34.3 million in the fourth quarter of 2025, up from 34.1 million a year earlier, reflecting a slower growth rate of 0.6 per cent, compared with 1.2 per cent previously.

Chief Statistician Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin noted that the breakdown between citizens and non-citizens remained unchanged, at 90.1 per cent and 9.9 per cent respectively, the same as in Q4 2024.

"The male population increased to 18 million from 17.9 million, while females rose to 16.3 million from 16.2 million. The overall population sex ratio stood at 110 males for every 100 females, while the sex ratio for citizens was 102," he said in a statement here today.

Mohd Uzir said the proportion of the aged population 65 years and above rose from 7.8 per cent to 8 per cent, indicating a continuing ageing trend.

Meanwhile, the young population (0-14 years) fell slightly from 21.9 per cent to 21.6 per cent, while the working-age population (15-64 years) edged up marginally from 70.3 per cent to 70.4 per cent.

By ethnicity, Mohd Uzir said Malays accounted for 58.2 per cent of the total population, followed by Chinese at 22.2 per cent, other Bumiputera at 12.3 per cent and Indians at 6.5 per cent, unchanged from the previous year.

On vital statistics, Mohd Uzir said live births continued to decline, recording a 5.4 per cent decrease to 99,353 births compared to 105,027 in Q4 2024.

He said male babies outnumbered females at 51,340 births versus 48,013, with a sex ratio at birth of 107 males for every 100 females.

"Selangor recorded the highest live births with 18,517 births or 18.6 per cent, while Wilayah Persekutuan Labuan recorded the lowest with 331 births or 0.3 per cent," he added.

Mohd Uzir said mothers aged 30-39 years recorded the highest number of live births at 49,432 births or 49.8 per cent, followed by mothers aged 20-29 years at 43.4 per cent, 40 years and over at 4.7 per cent and less than 20 years at 2.1 per cent.

"On average, one baby was born per minute, 45 babies per hour and 1,080 babies per day in the fourth quarter 2025," he said.

Meanwhile, Mohd Uzir said a total of 51,077 deaths were recorded in Q4 2025, an increase of 1.3 per cent from 50,415 in the corresponding period last year.

He said 29,358 male deaths and 21,719 female deaths were recorded, resulting in a mortality sex ratio of 135 males for every 100 females.

"Selangor recorded the highest number with 7,990 deaths, while Wilayah Persekutuan Putrajaya recorded the lowest with 82 deaths. Population aged 60 years and over recorded the highest number of deaths with 35,788 deaths or 70.1 per cent, followed by 41-59 years at 20.7 per cent, 15-40 years at 7.3 per cent and 0-14 years at 1.9 per cent.

"On average, one death was recorded every two minutes, 23 deaths per hour and 555 deaths per day in the fourth quarter of 2025," he added.

Mohd Uzir also noted that declining birth rates and total fertility rates are global trends, with many countries recording below the replacement level of 2.1 children per woman aged 15 to 49.

He highlighted that countries including South Korea, Japan, Singapore, Thailand, China, Russia, and France have total fertility rates below replacement level, raising concerns about ageing populations, population decline and workforce sustainability.

-- BERNAMA

TAGS: DOSM, Mohd Uzir Mahidin, population, fertility rates, ratios, deaths

TCT TCT PA

POPULASI MALAYSIA CECAH 34.3 JUTA SUKU KEEMPAT 2025, PERTUMBUHAN PERLAHAN

BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 12/02/2026 | Author: SAMANTHA TAN CHIEW TIENG | Others

PUTRAJAYA, 12 Feb (Bernama) -- Penduduk Malaysia dianggarkan 34.3 juta berbanding 34.1 juta pada suku tahun keempat 2024 (ST4 2024), pertumbuhan yang lebih perlahan dengan 0.6 peratus berbanding 1.2 peratu.

Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata komposisi penduduk warganegara dan bukan warganegara pada suku tahun keempat 2025 (ST4 2025) masing-masing kekal pada 90.1 peratus dan 9.9 peratus berbanding ST4 2024.

“Penduduk lelaki meningkat kepada 18.0 juta daripada 17.9 juta, dan penduduk perempuan meningkat kepada 16.3 juta daripada 16.2 juta . Nisbah jantina keseluruhan penduduk ialah 110 lelaki bagi setiap 100 perempuan, manakala nisbah jantina bagi warganegara ialah 102,” katanya dalam satu kenyataan, di sini hari ini.

Mohd Uzir berkata komposisi populasi warga emas berumur 65 tahun dan ke atas meningkat daripada 7.8 peratus kepada lapan peratus.

Sementara itu, populasi muda (0 hingga 14 tahun) menurun daripada 21.9 peratus kepada 21.6 peratus, manakala populasi berumur bekerja (15 hingga 64 tahun) meningkat sedikit daripada 70.3 peratus kepada 70.4 peratus.

Mengikut etnik, Mohd Uzir berkata orang Melayu membentuk 58.2 peratus daripada jumlah populasi, diikuti Cina (22.2 peratus), Bumiputera lain (12.3 peratus) dan India (6.5 peratus), tidak berubah berbanding tahun sebelumnya.

Mohd Uzir berkata bilangan kelahiran hidup terus merekodkan penurunan sebanyak 5.4 peratus kepada 99,353 kelahiran berbanding 105,027 kelahiran pada ST4 2024.

Bayi lelaki melebihi bayi perempuan iaitu 51,340 kelahiran berbanding 48,013 kelahiran, dengan nisbah jantina ketika lahir ialah 107 lelaki bagi setiap 100 perempuan.

“Selangor merekodkan bilangan kelahiran hidup tertinggi dengan 18,517 kelahiran atau 18.6 peratus, manakala kelahiran hidup terendah direkodkan di Wilayah Persekutuan Labuan dengan 331 kelahiran atau 0.3 peratus.

Mohd Uzir berkata ibu berusia 30 hingga 39 tahun mencatatkan kelahiran hidup tertinggi dengan 49,432 kelahiran, iaitu 49.8 peratus, diikuti oleh ibu berusia 20 hingga 29 tahun (43.4

peratus), 40 tahun dan lebih (4.7 peratus) dan kurang daripada 20 tahun (2.1 peratus).

“Secara purata, seorang bayi dilahirkan pada setiap minit, 45 bayi setiap jam dan 1,080 bayi sehari pada suku tahun keempat 2025,” katanya.

Sementara itu, Mohd Uzir berkata sebanyak 51,077 kematian telah direkodkan pada ST4 2025, meningkat 1.3 peratus berbanding SK4 2024 (50,415 kematian).

Bilangan kematian lelaki ialah 29,358, manakala kematian bagi perempuan sebanyak 21,719, menyaksikan nisbah jantina kematian ialah 135 lelaki bagi setiap 100 perempuan.

“Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi dengan 7,990 kematian, manakala Wilayah Persekutuan Putrajaya merekodkan bilangan kematian terendah dengan 82 kematian. Penduduk berumur 60 tahun dan lebih merekodkan bilangan tertinggi dengan 35,788 kematian atau 70.1 peratus, diikuti 41 hingga 59 tahun (20.7 peratus) 15 hingga 40 tahun (7.3 peratus) dan 0 hingga 14 tahun (1.9 peratus).

“Secara purata, satu kematian direkodkan pada setiap dua minit, 23 kematian direkodkan setiap jam dan 555 kematian sehari pada suku tahun keempat 2025,” katanya.

Mohd Uzir berkata dunia ketika ini menyaksikan trend penurunan global dalam kadar kelahiran dan kadar kesuburan jumlah (TFR), dan semakin banyak negara mencatatkan TFR di bawah paras penggantian, iaitu 2.1 anak bagi setiap perempuan berumur 15 hingga 49 tahun.

Beberapa negara seperti Korea Selatan, Jepun, Singapura, Thailand, China, Rusia dan Perancis telah mencatatkan TFR di bawah paras penggantian yang membawa kepada kebimbangan terhadap isu penuaan penduduk, penurunan penduduk dan tenaga kerja.

-- BERNAMA

TAG: DOSM, Mohd Uzir, populasi, kesuburan, kematian

TCT TCT AYU